

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (KRITERIA PERLAKSANAAN KUASA-
KUASA DI BAWAH SEKSYEN 32) 1996**

Akta 498

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 44(2)(d) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Menteri dengan ini membuat perintah seperti berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Kriteria Perlaksanaan Kuasa-kuasa Di Bawah Seksyen 32) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 18 Januari 1996.

Kriteria untuk melaksanakan kuasa Akta 498

2. Suruhanjaya Sekuriti dalam melaksanakan kuasa-kuasa di bawah seksyen 32 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 hendaklah mengambilkira kriteria berikut:

- (a) sama ada atau tidak akan terdapat penzahiran maklumat penting yang secukupnya di dalam prospektus atau wujudnya pasaran dan pelabur yang perbengetahuan secukupnya;
- (b) sama ada pertanyaan (jika ada) tentang perbadanan tersebut, pegawainya, pengunderait dan penasihatnya, akan memberi pengesahan yang secukupnya tentang ketepatan dan kelengkapan maklumat yang dizahirkan;
- (c) sama ada orang yang mengenainya cadangan dibuat memerlukan perlindungan melalui proses kelulusan dan penzahiran menurut Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Bahagian IV Akta Syarikat 1965;

- (d) jenis perniagaan yang dijalankan oleh perbadanan tersebut dan risiko yang berkaitan dengannya;
- (e) rekod perbadanan tersebut serta sifat, kepakaran dan pengalaman pihak pengurusannya;
- (f) tujuan pengumpulan dana;
- (g) kesesuaian membenarkan cadangan tersebut atau membenarkan dagangan sekuriti di pasaran saham sebuah bursa saham atau di mana-mana pasaran saham di luar Malaysia;
- (h) kepentingan awam; atau
- (i) sama ada operasi pasaran, termasuk yang berkaitan dengan harga, mengadakan mekanisma yang mencukupi untuk menangani risiko dan merit cadangan tersebut.

Takrif

3. Takrif-takrif “Suruhanjaya”, “perbadanan”, “pegawai” dan “cadangan” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang diberikan oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan takrif “pasaran saham” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang diberikan oleh Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Dibuat 11 Januari 1996.

[PP(S) 0.112/Jld. XII; PN. (PU²) 523.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan